

Soalan Lazim

Langkah Interim BNM untuk Semakan Semula Perubatan

1. Bagaimanakah Zurich akan melaksanakan langkah-langkah interim BNM untuk semakan semula perubatan?

Di Zurich Malaysia, kami menyokong pengumuman terbaru oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan industri insurans dan takaful mengenai langkah-langkah bantuan interim untuk membantu pelanggan terjejas oleh semakan semula insurans / takaful perubatan dan kesihatan (MHIT).

Langkah-langkah interim ini direka untuk menawarkan perlindungan yang mudah diakses dan mampu milik kepada pelanggan kami yang dihargai:

- a. Bagi membantu menguruskan kesan pelarasan caruman MHIT, pengendali Insurans dan Takaful (ITO) akan mengagihkan perubahan caruman perubatan dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun untuk semua pemegang sijil terjejas daripada semakan semula ini. Langkah ini akan kekal sehingga akhir tahun 2026. Dengan pelaksanaan langkah ini, sekurang-kurangnya 80% pemegang sijil dijangka menghadapi pelarasan caruman tahunan akibat inflasi tuntutan perubatan sebanyak kurang daripada 10%.
- b. Bagi pemegang sijil berumur 60 tahun dan ke atas yang memiliki pelan terendah dalam produk MHIT, ITO akan menanggung pelarasan caruman akibat inflasi tuntutan perubatan sementara selama setahun dari ulang tahun sijil mereka.

(Langkah-langkah interim di atas tidak terpakai untuk peningkatan caruman yang mungkin berlaku apabila pemegang sijil beralih ke kumpulan umur yang lebih tinggi)

- c. Pemegang sijil yang telah menyerahkan sijil atau sijil MHIT mereka telah luput pada tahun 2024 akibat semakan semula boleh menghubungi ITO mereka untuk memohon pemulihan sijil mereka berdasarkan caruman yang dilaraskan di bawah langkah ini tanpa keperluan taja jamin tambahan.
- d. Semua ITO akan menyediakan pilihan produk MHIT lain yang sesuai dengan caruman yang sama atau lebih rendah untuk pemegang sijil yang tidak ingin meneruskan pelan MHIT mereka yang telah disemak semula. ITO yang tidak menawarkan pilihan produk lain yang sesuai mesti menyediakan produk ini kepada pemegang sijil menjelang akhir tahun 2025. Pertukaran kepada produk MHIT alternatif tidak akan memerlukan sebarang taja jamin tambahan atau kos pertukaran. Langkah ini, bersama-sama dengan alternatif lain untuk mengawal

inflasi kos perubatan, akan berfungsi untuk mengelakkan pelarasan caruman yang ketara pada masa hadapan.

Kami berkomited untuk melaksanakan langkah-langkah interim BNM untuk semakan semula perubatan dengan ketelusan dan mengikut rangka kerja. Mulai 15 Januari 2025, kami akan menyediakan maklumat lanjut mengenai langkah-langkah ini. Harap maklum bahawa pemegang sijil akan menerima notis awal dan penerangan jelas mengenai bagaimana caruman mereka mungkin terkesan.

2. Bagaimanakah langkah-langkah interim yang diumumkan oleh BNM akan memberi kesan kepada saya sebagai pelanggan?

Memandangkan langkah-langkah interim baru sahaja diperkenalkan, kami menghargai kesabaran dan pemahaman anda semasa proses pelaksanaan ini. Bagi semua pelanggan Medica2015, anda boleh mengabaikan surat pemberitahuan semakan semula yang diterima antara bulan Oktober dan Disember 2024. Caruman pelan perubatan anda tidak akan disemak semula sehingga surat komunikasi terkini dikeluarkan pada masa yang sesuai. Walau bagaimanapun, kami ingin menekankan bahawa peningkatan disebabkan oleh pemegang sijil beralih ke kumpulan umur yang lebih tinggi tidak akan terpakai di bawah langkah-langkah interim ini.

Untuk Pelanggan yang Telah Menurun atau Menukar Pelan Perubatan Disebabkan oleh Semakan Semula

3. Baru-baru ini, saya telah menurun atau menukar pelan perubatan saya. Bolehkah saya menukar kepada pelan asal?

Ya, ini dibenarkan untuk sebarang perubahan yang dibuat sebelum 31 Disember 2024. Pemegang sijil yang telah menurunkan pelan perubatan mereka atau menukar kepada pelan perubatan lain disebabkan oleh semakan semula akan dibenarkan untuk menukar kepada pelan asal mereka dalam masa satu tahun dari tarikh perubahan berkuatkuasa tanpa keperluan taja jamin tambahan. Pilihan ini akan tersedia atas permintaan pemegang sijil, secara kes demi kes dan memenuhi kriteria lain yang ditetapkan oleh kami.

Pertanyaan Umum

4. Sejauh manakah langkah interim ini mampan dan bagaimanakah ia akan memberi kesan kepada caruman saya dalam jangka masa panjang?

Walaupun peningkatan caruman berperingkat memberi kelegaan segera kepada pemegang sijil, hakikatnya kadar caruman memerlukan pelarasan ketara dalam masa terdekat kecuali perubahan sistematik dilaksanakan di seluruh ekosistem penjagaan kesihatan.

Memandangkan kadar caruman semasa tidak mencukupi, pengendali takaful mungkin perlu meningkatkan inisiatif pengawalan kos, sebagai sebahagian daripada komitmen industri untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang mudah diakses, mampu milik dan berkesan. Walau bagaimanapun, ini sahaja tidak akan mencukupi, dan kami sangat menggesa pendekatan "keseluruhan negara" untuk menangani kos penjagaan perubatan yang semakin meningkat dengan penglibatan daripada penyedia hospital, doktor dan sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ini termasuk menurunkan harga ubat-ubatan farmaseutikal, menggalakkan penggunaan ubat generik, memastikan diagnosis dan rawatan yang sesuai dan menjimatkan kos dengan ketelusan harga dalam jangka pendek serta pelaksanaan inisiatif Kumpulan Berkaitan Diagnosis (DRG) dalam jangka sederhana. Semua usaha ini adalah penting untuk memastikan kemampanan ekosistem dan akses yang saksama kepada penjagaan kesihatan yang mampu milik untuk semua.

5. Bagaimana jika saya tidak mampu membayar caruman saya walaupun telah mengagihkan peningkatan tersebut dalam beberapa tahun yang akan datang?

Jika anda menghadapi kesukaran dengan kemampuan kewangan, kami mengesyorkan anda menghubungi Perancang Kewangan anda. Mereka boleh membimbing anda melalui pilihan yang berbeza, termasuk kemungkinan menukar kepada plan yang lebih mesra bajet yang masih memenuhi keperluan perubatan anda.

6. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sila hubungi Perancang Kewangan Zurich kami atau Pusat Panggilan Zurich di 1300-888-622 atau e-mel kepada kami di callcentre@zurich.com.my untuk maklumat dan bantuan lanjut.